

29 MAR 2002

Mahathir-Kelantan/I

PERGOLAKAN UMNO KELANTAN HANYA SPEKULASI - DR MAHATHIR

SHAH ALAM, 29 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menolak laporan bahawa berlaku pergolakan dalam Umno Kelantan dan menganggapnya hanya spekulasi.

"Itu spekulasi," katanya ketika diminta mengulas laporan muka depan akhbar New Straits Times hari ini bahawa 12 daripada 14 ketua bahagian Umno Kelantan mahu lima pemimpin Umno negeri ditukar dan mendakwa mereka tidak menjalankan tugas dengan baik.

Laporan itu memetik seorang ketua bahagian mengesahkan bahawa semua 12 ketua bahagian itu mencapai persetujuan bahawa lima penyandang jawatan tertinggi dalam Umno Kelantan harus ditukar.

Mereka ialah Ketua Umno Kelantan Datuk Mustapa Mohamed, setiausaha Datuk Ahmad Rusli Ibrahim, bendahari Datuk Dr Nik Hussain Abdul Rahman, ketua penerangan Mohd Noor Deris dan setiausaha eksekutif Mohd Nawawi Yaacob.

Bercakap pada sidang berita selepas merasmikan Konvensyen Barisan Nasional (BN) Selangor di sini, Dr Mahathir, yang juga presiden Umno, berkata beliau tidak tahu tentang permintaan supaya kelima-lima pemimpin itu ditukar.

"Saya tak tahulah. Saya kena tanya 12 orang ini. Mereka tak beritahu saya pun," kata beliau.

Dr Mahathir membidas ketua-ketua bahagian itu kerana menggunakan akhbar untuk menyatakan rasa tidak puas hati mereka dan tidak menyalurkannya kepada pemimpin Umno.

"Dia tak utamakan pemimpin. Dia utamakan press (akhbar)," kata beliau.

Ditanya sama ada Umno Kelantan perlukan perubahan kepimpinan, Dr Mahathir berkata tidak ada pemimpin yang menyandang jawatan itu selama-lamanya dan mengakui ada beberapa yang tidak menjalankan tugas dengan berkesan.

"Saya dulu pun kena buang dari Umno Kelantan, diganti Tengku Razaleigh Hamzah dan bila beliau berhenti, ambil Mustapa.

"Takkan Mustapa seumur hidup nak jadi Ketua Perhubungan Umno Kelantan, saya pun tak tahan.

"Sepuluh tahun saya jadi (pegang jawatan tersebut), saya kena buanglah pasal tak berjaya," kata beliau.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata beliau tidak membayangkan bahawa Mustapa harus ditukar.

"Saya tak hint (bayangkan) macam itu, cuma saya kata tak sesiapa (pemimpin) pun permanent (tetap)," kata beliau.

--BERNAMA

MAD MAD NAK